

KEUSAHAWANAN SEBAGAI KERJAYA PILIHAN

Oleh: Nur Zafirah binti Abd Halim, 1171778,
Fakulti Kepimpinan Dan Pengurusan (FKP), Universiti Sains Islam Malaysia (USIM)

Disiarkan pada 11 Ogos 2020



**REMAJA , JOM
MENJADI
USAHAWAN!**

“
Masalah pengangguran akan terus berlaku sekiranya remaja tidak berusaha mencari alternatif baharu untuk membina kerjaya atau menceburkan diri dalam bidang keusahawanan.

-Nur Zafirah Abd Halim

Ketika ini, persaingan merebut peluang pekerjaan begitu sengit sama ada dalam sektor kerajaan atau swasta.

Masalah pengangguran akan terus berlaku sekiranya golongan muda tidak berusaha mencari alternatif baharu untuk membina kerjaya atau menceburkan diri dalam bidang keusahawanan.

Peluang pekerjaan semakin menguncup dalam situasi COVID-19 yang menyaksikan banyak majikan terpaksa memberhentikan pekerja kerana tidak lagi mampu membayar gaji mereka.

Ruang bagi golongan muda untuk menceburi bidang keusahawanan adalah amat luas. Kejayaan tokoh korporat, Tan Sri Syed Mokhtar Al-Bukhari yang mula berniaga pada usia muda seharusnya dijadikan contoh.

Mahasiswa yang masih menuntut di institusi pengajian tinggi (IPT) adalah sangat digalakkan untuk menceburi bidang keusahawanan.

Seperti yang dinyatakan dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2015-2025, salah satu daripada 10 lonjakan yang digariskan menyentuh tentang usaha melahirkan graduan holistik, berciri keusahawanan dan seimbang.

Sehubungan itu, generasi muda perlu dididik untuk menghadapi masa hadapan yang semakin mencabar bukan sahaja melengkapkan diri dengan kemahiran asas, malah memperkasa daya tahan dan meningkatkan ciri keusahawanan bagi meneroka peluang-peluang baharu.

Antara sektor keusahawanan di Malaysia yang boleh diketengahkan adalah bidang pertanian seperti penternakan, perladangan dan perikanan yang sebenarnya sangat menguntungkan.

Pada masa ini, sektor pertanian di negara kita sedang mengalami tranformasi ke arah yang lebih dinamik dan kompetitif.

Sektor ini bukan sahaja dapat membantu menjanakan pertumbuhan negara, malah membuka peluang pekerjaan kepada ramai orang.

Begitu juga dengan industri kecil dan sederhana (IKS) yang mempunyai peranan yang sangat besar dalam pertumbuhan ekonomi negara.

Sejak lima tahun lalu, pelbagai program untuk meningkatkan pembangunan IKS telah dirangka oleh agensi kerajaan dan syarikat swasta bagi memastikan industri ini semakin berkembang.



Fenomena generasi muda termasuk mahasiswa mencari pendapatan sampingan dengan menjadi penghantar makanan atau pemandu e-hailing bukan lagi sesuatu yang asing, lebih-lebih lagi dalam situasi COVID-19.

Banyak peluang yang timbul bagi membolehkan mereka bergiat dalam bidang keusahawan melalui cara sebegini terutamanya ketika Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) dikuatkuasakan.

Walaupun mereka sebenarnya diberi upah atas tugas yang dilakukan, pengalaman sebagai penghantar makanan atau pemandu e-hailing boleh dimanfaatkan apabila menceburi bidang perniagaan setelah menamatkan pengajian kelak.

Pekerjaan sedemikian melatih generasi muda tentang ciri-ciri yang perlu ada dalam diri seorang usahawan iaitu sabar, menepati masa, jujur dan menghargai pelanggan.

Golongan muda juga boleh memanfaatkan pelbagai platform media sosial untuk bergiat dalam bidang keusahawanan tanpa memerlukan modal yang besar.

Mereka tidak lagi memerlukan modal pusingan yang besar untuk memulakan perniagaan kerana kegiatan mempromosi dan jualan kini boleh dilakukan secara dalam talian dengan menggunakan telefon pintar atau komputer riba.

Tidak dinafikan, cabaran yang dihadapi tetap sama seperti berniaga di kedai secara fizikal. Namun, pokok pangkalnya bergantung kepada diri sendiri untuk menentukan perniagaan yang diusahakan itu berkembang maju dan boleh menjana peluang pekerjaan kepada orang lain pula.